



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
KERJA-KERJA MENAIKTARAF DUA (2) UNIT SURAU DI BLOK A DAN BLOK C SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI PANGSAPURI PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA DAMANSARA, JALAN PEKAKA 8/1, KOTA DAMANSARA SEKSYEN 8, PETALING JAYA, SELANGOR. No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/22/10 No. Fail : LPHS.UPA.400-5/7/82	Kontraktor Tempatan <u>Daerah Petaling, Negeri Selangor</u> Berdaftar dengan CIDB Gred: G1 Kategori: CE Pengkhususan: CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM50.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor (Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak)	Tarikh : Selasa 26 Julai 2022 Masa : 2.30 Petang Tempat : Pejabat Pengurusan, Blok C, PPR Kota Damasara Kehadiran Taklimat adalah Wajib (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	Bermula 28 Julai 2022 sehingga 05 Ogos 2022	08 Ogos 2022 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **22 Julai 2022 (Jumaat)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut** semasa Lawatan Tapak Sebut Harga. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan** oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

Tarikh: 22 Julai 2022

Disediakan oleh,

(SUHAIDI BIN MOHD ARIS)

Penolong Jurutera
Unit Perolehan & Aset
Bahagian Khidmat Pengurusan
Lembaga Perumahan & Hartanah
Selangor

Disemak & disahkan oleh,

(NORMALIZA BINTI MD RAYIS)

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Lembaga Perumahan & Hartanah
Selangor